

## UCAPAN Y.A.B TIMBALAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN MESYUARAT UMNO KOTA BHARU HULU DAN DI TEMPAT-TEMPAT LAIN PADA 12 MEI 1967

---

Saya amat sukacita dapat hadir di Kadok hari ini untuk merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kota Bharu Hulu. Saya ucapkan berbanyak terima kasih di atas jemputan ini.

Hari ini adalah hari yang bersejarah bagi diri saya dan juga bagi UMNO Bahagian ini khasnya dan UMNO Kelantan amnya kerana hari ini adalah kali yang pertama saya membuka persidangan sebuah Bahagian UMNO di Kelantan semenjak saya mengambil alih jawatan Ketua Perhubungan UMNO awal tahun ini dan kehormatan ini dapat kepada Bahagian Kota Bharu Hulu. Besuk saya akan membuka Mesyuarat Perwakilan UMNO Tanah Merah.

Sepertimana bahagian tuan-tuan dan puan-puan ini, kebanyakan dari cawangan-cawangan dalam bahagian ini adalah di luar bandar Kota Bharu. Tetapi Ibu Pejabat Bahagian ini adalah di Kota Bharu. Saya sukacita perubahan dibuat tahun ini. Pada masa-masa yang lepas mesyuarat-mesyuarat Agung sentiasa diadakan di Kota Bharu tetapi kali ini diadakan di Kadok dan saya berharap tiap-tiap tahun pertukaran akan dibuat. Berilah peluang kepada cawangan yang sanggup menjadi 'tuan rumah'. Cara ini sangat baik kerana ini memberi peluang dan melatih cawangan-cawangan untuk menyelenggarakan mesyuarat-mesyuarat besar dan juga cara ini 'membawa UMNO masuk ke kampung-kampung'. Jangan hanya masa pilihan-raya sahaja UMNO masuk di kampung-kampung. Kalau kampung itu tidak ada kemudahan-kemudahan dirikan bangsal-bangsal atau khemah. Di India oleh kerana sesuatu parti itu, apa lagi, parti Kongres, sangat besar dan tiap-tiap kali mesyuarat perwakilan yang hadir lebih satu ratus ribu orang dan tiada Dewan yang besar yang boleh memuatkan semua wakil-wakil itu maka mereka bersidang di tengah-tengah padang di bawah khemah dan bergilir-gilir tempatnya. Seperti UMNO sebelum merdeka dan lepas merdeka dahulu, di Melaka, di Seberang Perai, di Kangar, Johor Bahru dan lain-lain lagi. Saya suka melihat UMNO Kelantan khasnya berbuat demikian, janganlah semuanya *berpusat di Kota Bharu dan Pasir Mas* sahaja. Pemimpin-pemimpin UMNO tempatan janganlah hanya berduyunduyun ke Kota Bharu sahaja tiap-tiap hari, tiap-tiap malam. Saya suka melihat mereka masuk ke kampung-kampung di sepanjang kiri dan kanan tebing sungai Kelantan, bukan hanya melawat ke

kampung-kampung yang di tepi jalanraya-jalanraya sahaja. Masuklah ke daerah pedalaman juga jika kita mahu UMNO dan perjuangan kita difahami oleh rakyat. Baliklah kita difahami oleh rakyat. Baliklah kita kepada perjuangan dan ketekunan kita seperti zaman belum merdeka dahulu.

UMNO Kelantan bukan seperti UMNO negeri-negeri lain. UMNO Kelantan menghadapi lawan yang besar dan bijak dan kerana itu UMNO di sini mestilah berjuang cara yang berlainan dengan cara UMNO negeri-negeri lain.

UMNO Kelantan menghadapi 'darurat politik' dan kalau hendak menang, kita mestilah juga berlawan secara darurat. Dan dalam darurat tiap-tiap orang mesti kerja kuat, tekun berani dan amanah dengan perjuangannya jika tidak, kita tidak akan mengatasi 'darurat politik' ini. Sudah 8 tahun kita mengalami 'darurat politik' ini, semenjak tahun 1959. Kita telah mengambil masa 12 tahun untuk mengalah darurat penjahat komunis atau 'Emergency' dahulu. Pada tahun 1969, kita menghadapi satu pilihanraya UMUM lagi dan waktu itu parti lawan kita, PAS akan memerintah negeri Kelantan ini selama 10 tahun. Kita mesti menang kali ini jika tidak PAS akan memerintah Kelantan selama 5 tahun lagi menjadi semuanya 15 tahun - lebih lama dari darurat penjahat dahulu, dan negeri Kelantan akan terus menerus mundur dan rakyat susah. Sementara itu negeri-negeri dan orang-orang Melayu di lain berlumba-lumba mencari kemajuan; taraf hidup dan pelajaran sesuai dengan keadaan zaman teknologi ini.

Segala ikhtiar dari atas dijalankan untuk memenangi 'darurat politik' ini tetapi tiap-tiap ahli biasa UMNO pun ada peranannya. Peranan tuan-tuan dan puan-puan ialah untuk menguatkan lagi UMNO dan memberitahu orang-orang kampung akan dasar-dasar perjuangan kita yang sebenar, sehingga mereka faham dan menyokong kita dalam daerah dan negeri ini.

Dalam menjalankan kewajipan kita, buatlah kerja betul-betul - banyak bekerja dari bercakap, lebih berterus terang dari berbohong, lebih lurus dari belok dan jangan mengacau kerja-kerja orang lain. Jika setiap orang menjalankan tugas masing-masing, dan semua mengamalkan pesanan saya ini, insya' Allah UMNO Kelantan akan selamat dan berjaya.

Saya diperintah oleh Y.T.M. Tunku Abdul Rahman memimpin UMNO Kelantan seperti juga saya disuruhnya memimpin UMNO Perak. Dengan berkat Tuhan dan kerjasaman dan taat setia semua ahli-ahli UMNO Perak, dari semua peringkat, UMNO Perak sekarang berjalan dengan baik. Bahkan, kerajaan Perak pun berjalan dengan baik dan sempurna. Dan saya berdoa dengan berkat Tuhan, jika nasib saya baik, dan jika semua Ahli-ahli UMNO negeri Kelantan bekerja kuat dan amanah dengan perjuangan UMNO dan dengan diri

sendiri, saya yakin, saya akan dapat membetulkan UMNO Kelantan sehingga layak ia memerintah negeri ini sekali lagi.

Saya suka menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan sekalian iaitu, sekadar perubahan di peringkat perhubungan dan saya menjadi Ketua sahaja tidak akan menguatkan UMNO dengan sendirinya. Seorang General yang bijak dengan tidak ada bantuan askar-askar di bawahnya yang tekun dan rajin tidak dapat menang satu-satu peperangan. General Douglas Mac Arthur seorang General yang paling bijak dalam dunia waktu ia hidup tidak boleh memenangi peperangan di Korea jika tidak kerana askar-askarnya yang perwira dan berani, General Yamashita; General Jepun yang menakluk Malaya dari orang putih - satu kuasa Asia mengalahkan pemerintahan Inggeris. Ia berjaya kerana ia bijak dan disokong pula oleh askar-askar yang baik dan yang taat setia kepada pemerintah-perintah dan tidak bercakar sama-sama sendiri.

Contoh-contoh ini sangatlah kena dengan UMNO Kelantan. Saya bukanlah nak kata saya pandai sangat tetapi jika saya dapat 'General-general' yang baik di peringkat Bahagian dan Cawangan-cawangan, saya juga boleh jadi seorang General yang boleh kalahkan orang-orang PAS ini. Selain dari 'General-general' di peringkat bahagian dan cawangan-cawangan saya juga mestilah ada askar-askar yang baik. Saya sedar UMNO Kelantan mempunyai askar-askar yang baik tetapi saya dengan segala ikhlas dan jujur mengatakan banyak 'General-general', 'Kapten-kapten', 'Sarjan-sarjan' dan 'Koperal-koperal' dalam UMNO Kelantan ini sudah patut bersara tetapi masih lagi juga hendak berkhidmat. Sepatutnya mereka dengan sendiri mengundurkan diri dan berilah peluang kepada orang-orang lain. Dan diam-diam menyokong dari belakang; diam-diam sebagai orang-orang biasa sahaja. Inilah sebesar sumbangan yang mereka itu boleh memberikan kepada UMNO Kelantan. Bersara dan menggalakkan orang-orang muda yang dinamis atau mereka yang baru untuk memberi 'nafas baru' kepada UMNO Kelantan. Kebanyakan mereka ini telah memberi khidmat yang lama dan baik kepada UMNO di masa yang lepas. Satu ukuran seorang itu bijak, dewasa atau baligh dalam politik dan taat setia kepada parti, satu tanda mereka pentingkan parti dari diri sendiri ialah untuk mereka mengundurkan diri dari perjuangan setelah dirasanya adanya masing-masing dalam pucuk pimpinan lebih merugikan daripada memberi untuk kepada parti.

Perubahan pucuk pimpinan di peringkat negeri kurang faedahnya jika tidak ada juga perubahan-perubahan seperti - itu di semua peringkat. Selain daripada perubahan-perubahan pemimpin-pemimpin, UMNO Kelantan dan ahli-ahlinya mestilah turut menukar coraknya, sikap dan fikiran, pekerjaan dan cara bertindak supaya

sesuai dengan perubahan-perubahan di atas. Mereka mesti mempunyai azam yang baru dan berani melaksanakannya.

Saya suka menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan yang kekuatan UMNO tidaklah bersandarkan kepada perhubungan tetapi - adalah di peringkat-peringkat bahagian dan cawangan. Perlembagaan UMNO jelas menyatakan kuasa-kuasa ini. Perhubungan hanya boleh menasihatkan sahaja dan menjadi badan perantaraan di antara tuan-tuan dan puan-puan dengan Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Jadi, perubahan di peringkat perhubungan tidak semestinya membawa kemajuan yang besar dan berkesan jika tidak ada perubahan-perubahan di peringkat Bahagian dan cawangan-cawangan untuk menyesuaikan dengan perubahan-perubahan di peringkat perhubungan ini.

Adalah menjadi adat dunia, setelah sekian lama seorang itu berkhidmat ia mestilah bersara. Ada orang-orang bersara kerana setelah membuat kejayaan yang tinggi, ada yang terpaksa bersara kerana kurang cekap atau kerana kesihatan yang tidak baik. Tetapi mereka mestilah bersara pada suatu hari. Yang enggan bersara selalunya diberhentikan ataupun kuasanya dkecil-kecilkan dan mereka tidak lagi dibawa kira bicara sesungguhnya. Tetapi pari kita ialah parti yang mengamalkan demokrasi, kita tidak boleh berhenti dan buang orang senang-senang tetapi 'orang-orang yang sedar yang mustahaknya mudah hilang' atau sedang hilang patutlah mengundur diri dengan sendiri dengan 'good senses' masing-masing. Adalah kewajiban kita untuk membawa perubahan-perubahan; janganlah main sentimen dan kasihan belas. Dalam politik, *kepentingan umum, kepentingan orang ramai lebih mustahak dari kepentingan dan perasaan perseorangan*. Politik juga seperti barang dagangan - kita jangan jual apa yang kita tahu tidak laku dan kadang-kadang barang itu laku orang-orang suka kepadanya, tetapi mereka tidak mahu beli kerana penjual-penjual kurang menarik atau daya penariknya tidak ada langsung. Kalau sebuah syarikat itu hendak maju maka syarikat itu mestilah tukar 'Salesmen dan Salegirls-nya' dan kalau syarikat itu enggan maka ahli-ahli sahamnya mestilah bertindak. Dalam UMNO ahli-ahli sahamnya ialah tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Setelah lama saya memikirkan, hasil dari pengalaman dalam parti di beberapa peringkat semenjak 17 tahun yang lalu, saya dapati sifat-sifat yang dikehendaki sangat-sangat oleh UMNO daripada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahlinya adalah '5 sifat'. Sifat-sifat itu ialah:

## **“Sifat-sifat UMNO yang mulia”**

Orang-orang UMNO mestilah sentiasa bekerja kuat untuk kemajuan negara dan diri masing-masing - mereka mestilah, kata orang putih "Undertake self - cultivation" - iaitu secara ringkas, tiap-tiap makhluk itu bukan malaikat - kerana itu ia tidak 'perfect' dan kerana ia tidak 'perfect', ia mesti berubah dan boleh ditukar corak dan perangnya. Jika seseorang makhluk itu tidak dapat memperbaiki dirinya sendiri bagaimana ia hendak memperbaiki diri orang lain dan membawa kemajuan dan menukarkan corak sebuah masyarakat?

Untuk menjadi seorang ahli UMNO yang baik ia mestilah pandai 'menyesuaikan dirinya' dengan keadaan, perjuangan, kemajuan dan darjah pelajaran pada masa itu. *Sama ada seorang itu baru atau lama dalam UMNO, ia hanya patut diadil dan kegunaannya dinilai semata-mata di atas sumbangannya yang ia - boleh beri kepada kemenangan perjuangan parti kita dan betapa dewasa dan baligh ia dalam menyesuaikan dirinya dengan perjuangan dan falsafah UMNO.*

## **“Sifat yang kedua”**

Merendahkan diri - mereka mestilah contohi tingkah laku yang di-Pertua kita Y.T.M. Tengku Abdul Rahman *peramah, tidak sombong, adil, lurus serta amanah.*

Dalam usaha 'memperbaiki diri kita' dan tidak secara langsung UMNO, kita bukan hanya bertingkah laku demikian dalam masa menghadapi kesusahan-kesusahan dan semasa parti kita menjadi parti pembangkang, tetapi hendaklah setiap masa. Ukuran atau 'the test' ialah sama dalam kemenangan dan masa kebesaran parti kita, kita juga boleh 'merendah diri'.

Ada banyak ahli-ahli parti kita tidak boleh tahan senang dan kejayaan-kejayaan membuat mereka cepat 'naik angin', sombong, tidak amanah, berperangai jahat dan buat pekerjaan-pekerjaan yang hina: Dalam kemewahan dan kemenangan banyak ahli-ahli kita lupa daratan, ada yang lupa kepada Tuhan dan kerana dosa-dosa mereka inilah orang-orang di belakang terpaksa mempusakainya dan susah. Untuk membasmiikan kelemahan-kelemahan inilah maka ahli-ahli UMNO mesti 'undertake self - cultivation' atau memeriksa diri sendiri.

## **“Sifat yang ketiga”**

Taat setia dan betul-betul yakin dengan falsafah perjuangan UMNO dan kejujuran pemimpin-pemimpinnya. Falsafah perjuangan siasah seperti juga dengan agama mestilah diyakini betul-betul oleh anggota-

anggotanya kalau tidak seseorang itu tidak akan dapat menjadi seorang ahli UMNO yang baik. Falsafah perjuangan kita adalah ditafsirkan dalam Fasal 4 dalam Perlembagaan UMNO: Asas-asas dan tujuan UMNO.

Dengan ringkasnya: ia adalah 'Democratic nationalism' - dan di dalam ini termasuklah mempertahankan dan mempertinggikan taraf dan kedaulatan Agama Islam, bahasa Kebangsaan, Kebudayaan Melayu, dan hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan Bumiputera dan berikhtiar meninggikan ekonomi rakyat Melayu dan Bumiputera. Dalam memperbaiki diri dan mencari kedewasaan dalam politik UMNO - tiap-tiap ahli hendaklah faham dengan *teori UMNO, cara melaksanakan teori atau falsafah siasah UMNO, cara-cara memecah masalah-masalah parti, dasar dan strateginya; menjaga dan mengawasi moral yang baik, memelihara nama baik parti, memelihara keteguhan dan perpaduan dalam parti*. Kita mestilah mengancamkan atau kritik diri sendiri, peranan dan sumbangan sendiri, jangan jaga tepi kain orang lain, awasi dan junjung tinggi parti disiplin atau tatatertib parti - orang-orang yang sembahyang ada tertib dan susunannya begitulah juga parti. Kita hendaklah sentiasa bergaul dengan rakyat jelata untuk mengatasi dan mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka, berunding cara-cara hendak mengatasinya dan saluran mana dalam Kerajaan yang bertanggungjawabnya. Kritik terhadap diri sendiri ini mestilah dilakukan oleh semua ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO jika kita semua mahu UMNO subur dan menjadi sebuah parti yang baik, teguh dan benar-benar demokratik.

### **“Sifat yang keempat”**

Kepentingan-kepentingan parti mendahului segala-segalanya. Kepentingan-kepentingan parti dan orang-orang ramai mesti mengatasi kepentingan-kepentingan perseorangan dan golongan-golongan yang kecil. Jika tiap ahli-ahli mementingkan dirinya kawannya dan peluangnya maka parti itu tidak akan kuat dan tuan-tuan dan puan-puan sendiri sedar akan kebenaran ini. Kita tidak payah pergi jauh untuk melihat kebenaran ini. Kekuatan parti-parti seperti Parti-parti Komunis, Parti Buruh British, Parti Liberal Demokrat, di Jepun, Liberal Party di Australia dan Parti Demokratik di Amerika, PAP di Singapura semuanya bersandarkan kepada masing-masing anggotanya mementingkan *parti dan perjuangan parti bukan diri sendiri*.

Pada umumnya, ini bermakna kepentingan diri tidak ada dalam parti; jika seorang itu masuk parti kerana semata-mata hendak mencari kesempatan, baik, tak usahlah, kerana ia hanya akan merosakkan dan melemahkan parti itu dan anggota-anggota yang lain. Ini adalah dasar parti yang tinggi dan tiap-tiap seorang mestilah

mematuhinya. Kepentingan-kepentingan daerah mesti beralah kepada negeri dan kepentingan-kepentingan negeri mesti beralah kepada kepentingan-kepentingan negara. Tiap-tiap ahli mesti faham ini jika tidak lambat laun UMNO akan rosak - akan menjadi seperti Kelantan hari ini.

UMNO adalah sebuah parti yang dipunyai oleh rakyat yang bekerja untuk rakyat. UMNO tidak ada kewajipan lain selain daripada memperjuangkan cita-cita rakyat. Segala kerja, fikiran dan tindakan ahli-ahli UMNO mestilah berpandu kepada dasar parti yang amat penting ini.

Seseorang ahli UMNO yang baik tidak patut mempunyai 'cita-cita yang bersendirian', di luar dari cita-cita dan asas parti. Cita-cita mereka mestilah serupa dengan cita-cita parti. Kalau ahli masing-masing mempunyai cita-citanya sendiri dan hanya buat UMNO tempat mencari rezeki dan mencari pangkat parti kita akan penuh dengan orang-orang yang 'opportunist' dan mereka yang hanya bekerja kerana mendapat pangkat dan gaji, iaitu orang-orang 'Careerists' dalam parti.

Kita mahu melihat ahli-ahli UMNO taat setia - mereka yang tidak gila dan tidak boleh dipujuk-pujuk oleh pangkat, kedudukan dan bintang-bintang dan kekayaan. Seorang itu betul-betul ahli UMNO yang sejati jika ia dalam kemiskinan dan kesusahan pun tetap yakin dengan perjuangan partinya.

Jangan jadi tukang cucuk dan batu api, jangan berpuak-puak - kita semua ahli UMNO yang tidak mempunyai cita-cita yang lain daripada cita-cita UMNO sendiri maka sebab itulah kita semua masuk UMNO. Kalau kita mempunyai berlainan cita-cita kita tak patutlah menjadi ahli-ahli dalam satu parti kerana sudah tentu parti itu akan bercakar sesama sendiri. Tolonglah kurangkan pertengkaran sesama sendiri, jika tidak, selama itulah kita akan berpecah belah dan selama itulah pula UMNO akan menjadi parti pembangkang di negeri Kelantan.

Pertengkaran-pertengkaran mesti ada - ini adalah adat dunia dan juga mesti timbul dan subur dalam mana-mana masyarakat yang demokratik dan dalam sebuah parti seperti UMNO ini. Kalau perselisihan ada, kita mestilah mencari jalan menyelesaikannya, jangan sekali-kali membesar-besarkannya. Tugas tiap-tiap ahli, ialah menolong menyelesaikan keruncingan tiap-tiap ahli, bukan melagagakan, mengapi-api hingga tembuk menjadi bukit, bukit menjadi gunung. Kita mestilah bersama membetulkan hal ini sehingga yang bertanggungjawab itu berhenti sendiri atau diberhentikan. Parti kita mestilah dibersihkan dari satu masa ke satu masa jika tidak ia akan penuh dengan kekotoran. Sebuah parti adalah seperti sekeluarga dan rumahtangga juga.

Saya dapati dalam UMNO, kita ada mempunyai beberapa golongan yang sentiasa *menggolakkan UMNO dan kerajaan*. Puak-puak ini hendaklah diawasi jangan sampai mereka merosak dan melemahkan parti kita. Mereka berada di samping kita di peringkat-peringkat negeri dan Bahagian dan cawangan-cawangan. Awasilah mereka untuk kebaikan parti kita.

Anasir-anasir ini ialah:

- 1) "Careerists" dalam parti, mereka menggalak dan membesarkan kesalahan-kesalahan parti dan menggunakan hal ini untuk mengukuhkan jawatan masing-masing bertahun-tahun lamanya.
- 2) Satu puak yang sedar tentang banyak kesalahan-kesalahan, rasuah dan pengkhianatan-pengkhianatan dalam parti oleh anggota-anggota dan pemimpin-pemimpin parti itu sendiri tetapi berdiam diri kerana takut, tak mahu ambil endah atau sengaja dibiarkan untuk digunakan kesalahan-kesalahan ini pada suatu masa kelak. Mereka ini tidak mahu menyakiti orang-orang - mereka ini sama ada, terlampau "liberalistic" ataupun "bureaucratic".
- 3) Dan mereka yang 'opportunist' - golongan yang lebih dasyat dari yang "liberalistic" atau "careerists" tadi.

Orang-orang yang 'lurus dan amanah dengan perjuangan parti' mestilah mengambil alih daripada mereka ini dan jangan diberi peluang kepada golongan-golongan yang tidak betul-betul cintakan kepada parti. Orang-orang yang sayangkan parti ialah mereka yang 'lurus', taat dan amanah dengan dirinya sendiri dan parti". Mereka inilah yang ahli-ahli UMNO mesti - sentiasa memilih dan meletakkan kepercayaan.

UMNO sekarang berada di ambang kemenangan di Kelantan - sambutan daripada rakyat agak bertambah baik dari satu hari ke satu hari dan telah banyak rakyat yang sedar bahawa Kelantan tidak akan maju di bawah kerajaan PAS. Peranan besar pemimpin-pemimpin UMNO sekarang ialah untuk memperhehatikan lagi sokongan kepada parti kita akan menyakinkan mereka - masa hadapan mereka hanya cemerlang di bawah pimpinan Perikatan.

Janganlah di saat yang harapan kita baik ini kita lalai dan tidak bekerja kuat. Sebaliknya harapan baik ini patut menjadi penawar atau tonik bagi orang-orang kita untuk bekerja lebih rajin lagi. Dan janganlah sekali-kali mulai takbur, sombong atau "agas" kata orang Kelantan. Bekerja dan bekerja dan cubalah seberapa yang boleh "menawan hati" seramai-ramai orang yang boleh - ini adalah masanya untuk *mencari* "persahabatan dan kawan" dan kerana masa berada disebelah kita, kita seringlah melawat ke kampung-kampung untuk memberi penerangan-penerangan dan mencari

sahabat dan penyokong - jangan hanya nanti hampir dengan musim pilihanraya sahaja baru hendak turun ke kampung-kampung.

Kerajaan Kelantan sekarang dalam keadaan yang susah, mereka tidak ada wang. Tak lama lagi mereka mesti *bangkrap* kerana hendak “gadai tanah”, tanah pun sudah habis digadaikan kepada kompeni-kompeni Cina ataupun dibahagi-bahagi sama sendiri antara pembesar-pembesar PAS.

Di jangka, pada akhir bulan Jun ini kerajaan PAS tidak akan ada wang untuk membayar gaji-gaji pegawai-pegawai kerajaan yang jumlahnya lebih RM700,000 satu bulan. Hutang-hutang lain, hutang-hutang kepada kontrektor-kontrektor hampir sampai ke tengkuk dan tidak lama lagi akan mencekek leher mereka. Janganlah kita berbuat apa-apa - PAS dan kerajaannya sekarang sedang mengikat tali ke lehernya sendiri.

Sepatutnya ketajaan Kelantan ini telah lama bangkrap, tetapi dahulu tiap-tiap kali Kelantan hendak bangkrap, Kerajaan Pusat tolong kerana kita mahu tunjukkan keadilan kita. Tetapi balasan mereka kepada keadilan kita ialah keji, fitnah dan cerca. Kita beri madu, PAS hulur hempedu yang pahit. Kerana perbuatan-perbuatannya yang keji inilah kita tidak akan memberi bantuan dan pertolongan lagi.

PAS dan kerajaan PAS membangkang Rang Undang-Undang Bahasa dalam Parlimen dan sekarang berkempen di kampung-kampung. Tetapi dua tiga hari yang leaps, Menteri Besar PAS telah berkata kerajaan PAS tidak akan membawa perkara Undang-Undang Bahasa itu ke mahkamah. Mereka tidak ada asas mendakwa kita, seperti juga mendakwa penubuhan Malaysia dahulu. Inilah caranya kerajaan PAS menghabiskan wang rakyat dan membuang masa. Sekarang kita pun kurang faham - kerajaan PAS sekarang mengikut Dato' Asri menyokong Rang Undang-undang Bahasa, tetapi PAS membantahnya.

Jikalau ini hanya silap mata kerana hendak pinjam wang dengan Kerajaan Pusat, saya suka menyatakan secara terus terang, sokong atau tidak Kerajaan Pusat tidak akan meminjamkan wangnya kepada kerajaan PAS Kelantan lagi.

Kerajaan Kelantan semenjak beberapa tahun ini sentiasa berhutang dan ini sangat memalukan - sebuah kerajaan berhutang dengan bank-bank kecil di Kota Bharu ini.

Mengikut jawapan Dato' Asri sendiri kepada satu jawapan dalam Majlis Mesyuarat Undang Negeri Kelantan minggu lepas, Kerajaan Kelantan sekarang berhutang sebanyak RM5 juta di bank-bank dengan bunga sebanyak  $7\frac{1}{2}$  peratus tiap-tiap tahun dan kebanyakan wang ini belum dibayar lagi dan bunga telah dibayar RM500,000. Tanah hutan yang kaya raya di Hulu Kelantan yang

hampir 400,000 ekar itu digadaikan sangat murah dan semenjak digadaikan beberapa tahun - hampir 4 tahun - sekarang baru mendapat hasil kurang dari RM1 juta.

Kerajaan Kelantan berjanji hendak membantu murid-murid sekolah mangsa banjir dengan buku-buku, tetapi sampai sekarang - sudah 5 bulan selepas banjir, budak-budak masih menantikan bantuan itu. Mereka lewat kerana kerajaan Kelantan tidak ada wang.

Di negeri Perak kerja-kerja pemulihan mangsa-mangsa banjir dan bantuan buku-buku berjalan dengan baik kerana kerajaan mempunyai wang dan kerajaannya cekap.

Pada hari ini saya sukacita menghulurkan bantuan sebanyak RM5,000/- kepada UMNO Perhubungan untuk membeli buku-buku sekolah untuk diberi kepada kanak-kanak di daerah miskin, yang betul-betul teruk kerana banjir dan anak-anak yang betul-betul miskin.

Di merata-rata tempat di Kelantan, tanah sekarang sedang dikeluarkan secara sulit - pembahagian, dijalankan dengan tidak terlebih dahulu meminta nasihat Pesuruhjaya Tanah Negeri dan apabila Pesuruhjaya itu membantah tentang perbuatan yang tidak tertib ini, kerajaan negeri kata "diam". Dalam keadaan begini banyaklah tanah-tanah yang patut diberi kepada orang-orang miskin telah diberi kepada orang-orang lain. Beribu-ribu orang di Pasir Puteh, dalam kawasan Menteri Besar sendiri, yang telah membayar deposit tanah sekarang yang sedang dikembalikan dan tanah-tanah itu ditawarkan kepada orang-orang yang 'berada' kerana kerajaan sekarang sedang mencari wang sebanyak-banyak yang boleh. Inilah dia apa yang dipanggil oleh PAS keadilan. Tetapi begini pun dasyat kerajaan PAS melakukan kerja-kerja yang tak baiknya di Pasir Puteh, di Tanah Merah dan tempat-tempat lain-lain lagi, menghalau orang-orang dari tanah dan tempat hidup mereka bertahun-tahun, *masih* ada juga lagi orang-orang yang menyokong PAS ini.

Kalau pembahagian tanah-tanah ini hendak dilakukan dengan secara adil, orang-orang Kelantan hendaklah menyokong Perikatan Merdeka!